



16 NOV, 2020

Hanya dapat RM300 sebulan

Harian Metro, Malaysia

Page 1 of 2

Hanya dapat RM300 sebulan

Pemuda jadi badut sejak 10 tahun lalu akui terkesan dengan pandemik Covid-19

Oleh Nazri Abu Bakar
am@hmetro.com.my

Alor Gajah

Walaupun hanya memperoleh pendapatan kira-kira RM300 sebulan, ia tidak pernah mematahkan semangat seorang lelaki untuk terus mencari rezeki sebagai badut di pasar tani, di sini.

Mohd Fahmi Mohamad, 28, atau gelaran *Speed de Clown* yang menjadikan badut sebagai kerjaya sejak 10 tahun lalu mengakui amat terkesan dengan situasi semasa ketika pandemik Covid-19 sehingga tidak mampu membayar sewa rumah memandangkan isterinya tidak bekerja.

Dia yang baru menimang cahaya mata dua bulan lalu juga terpaksa menjual belon di pasar tani berkenaan bagi menampung pendapatan.

Namun Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) menyebabkan pasar berkenaan tidak boleh dimasuki kanak-kanak bawah 15 tahun menyebabkan dia hampir tiada pendapatan.

"Jika sebelum PKPB dan Covid-19 saya mampu memperoleh sehingga RM4,000 hingga RM5,000 sebulan, tetapi kini tidak lagi.

"Bermula dengan berjalan kaki, kemudian berbasikal

akhirnya saya mampu untuk membeli kereta.

Namun kini, wang ansuran membayar kereta sebanyak RM500 sebulan dan sewa rumah RM350 juga tidak mampu ditampung.

"Nasib baik kerajaan memperkenalkan moratorium, ia amat melegakan kami," katanya ketika ditemui di pasar tani Alor Gajah di sini.

Ketiadaan persembahan pentas, majlis perkahwinan dan pertunjukan silap mata juga menyebabkannya hilang pendapatan.

Malah, dia pernah memulangkan wang tempahan pertunjukan pentas pada April lalu.

Bagi menampung pendapatan, dia kini menjadi penghantar makanan dan menjual barangan penduduk untuk dipasarkan kepada komuniti.

"Dengan cara ini, saya memperoleh sedikit wang bagi menampung bayaran sewa rumah, membayar ansuran kenderaan dan perbelanjaan harian," katanya.



MOHD Fahmi akur dengan kekurangan kekurangan pembeli belon di Pasar Tani Alor Gajah.



16 NOV, 2020

Hanya dapat RM300 sebulan

Harian Metro, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Pemuda jadi badut sejak 10 tahun lalu akui terkesan dengan pandemik Covid-19

Alor Gajah Walaupun hanya memperoleh pendapatan kira-kira RM300 sebulan, ia tidak pernah mematahkan semangat seorang lelaki untuk terus mencari rezeki sebagai badut di pasar tani, di sini.